

24 MAR 1998

Multimedia-HP

HEWLETT PACKARD YAKIN MSC TIDAK AKAN TERJEJAS OLEH KRISIS

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Hewlett Packard, firma teknologi maklumat terkemuka yang berpangkalan di Amerika Syarikat, yakin bahawa projek Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak akan banyak terjejas oleh krisis ekonomi serantau, kata Pengerusi, Presiden dan Pegawai Ketua Eksekutifnya Lewis E. Platt.

Platt yang juga anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC berkata, daripada segi perbelanjaan kerajaan, sebahagian besar projek itu telah siap dan kini terpulang kepada sektor swasta untuk bertindak seterusnya.

"Saya rasa berita baiknya ialah MSC tidak akan terjejas akibat isu ekonomi sekarang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Platt berkata beliau berpuas hati dengan cara kerajaan menangani masalah mata wang dan ekonomi.

Hewlett Packard mempunyai dua syarikat beroperasi di MSC, satu kawasan seluas 750 kilometer persegi di selatan Kuala Lumpur yang dimajukan sebagai nadi pembangunan perkhidmatan dan produk multimedia.

Satu daripada syarikat Hewlett Packard dalam MSC itu terbabit dalam pembangunan pengurusan dan operasi manakala syarikat keduanya mengendalikan aktiviti perisian.

Bagi syarikat yang kedua pula, Platt berkata: "Kami sedang memikirkan memperluaskan aktiviti-aktiviti bagi perisian untuk kegunaan multimedia Internet dan perkara-perkara seperti itu."

Mengenai pertemuan beliau dengan Perdana Menteri, Platt berkata secara umumnya mereka berbincang mengenai MSC, perkembangannya dan isu-isu yang dibincangkan pada mesyuarat IAP kedua yang diadakan di Cyberjaya bulan lepas yang beliau tidak dapat hadir.

Mereka juga membincangkan untuk membawa masuk program khidmat nasihat Internet Hewlett Packard yang dikenali sebagai "E-mentoring" yang membolehkan kakitangan syarikat itu memberikan khidmat nasihat kepada golongan muda yang berminat mengenai teknologi maklumat menerusi Internet.

Program itu yang bermula empat tahun lepas, telah menarik minat 1,500 kakitangan Hewlett Packard di seluruh dunia atas dasar sukarela.

"Dengan 300 kakitangan di Kuala Lumpur dan beberapa ribu orang di Pulau Pinang, terdapat peluang yang banyak bagi program itu di sini," kata Platt.

-- BERNAMA

AD DVS RHM MAI